

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	22 February 2016

Najib kongsi pengalaman suka duka 40 tahun dalam politik

um - 22/2/2016

PEKAN 21 Feb. - Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini berkongsi pengalamannya selepas genap 40 tahun terlibat dalam politik dan pentadbiran kerajaan yang disifatkan beliau sebagai penuh berliku dan sarat dengan pelbagai kisah suka, duka, pahit serta manis.

Perdana Menteri berkata, semua pengalaman yang penuh warna dan warni itu tidak akan berjaya diharungi beliau tanpa izin Allah SWT.

"Apa yang tidak pernah kita lalui 40 tahun dahulu, tentu banyak perkara. Kalau Allah SWT tidak melindungi saya mungkin umur saya tidak sampai pada hari ini. Banyak peristiwa dan suka serta duka saya lalui antaranya helikopter dinaiki hampir terhempas.

"Ramai juga tidak tahu masa saya

hendak naik ke jeti dari bot nelayan hampir terjatuh ke dalam laut di Pulau Tioman. Ada juga insiden kereta terbalik masa hujan lebat, masa itu isteri saya sedang mengandung, air hujan pun masuk dalam kereta ketika kejadian itu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis solat hajat perdana sempena 40 tahun melibatkan diri dalam politik dan tahlil untuk Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein di Masjid Sultan Ahmad Shah Pekan di sini.

Najib sebelum itu mendengar ceramah agama dan menunaikan solat maghrib dan isyak secara berjemaah di masjid berkenaan.

Yang turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri

Dr. Ahmad Zahid Hamidi dan Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob.

Mengimbau pengalaman lalu, Najib berkata, sebelum menceburi bidang politik, beliau terpaksa berfikir panjang dan mendalam kerana pada ketika itu baru berusia 22 tahun tujuh bulan.

"Cuba bayangkan umur 22 tahun pada ketika itu. Hendak bertanding, boleh atau tidak. Saya pada ketika itu baru balik dari London, baru bekerja dan bercakap dalam bahasa Melayu pun masih gugup.

"Maklumlah lapan tahun belajar di United Kingdom (UK), hendak bagi ucapan orang Kedah kata ketaq lutut dan saya terpaksa belajar daripada orang Pekan," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau

memasuki dunia politik adalah bagi mencari kepuasan.

"Pada saya, kepuasan yang paling mendalam, menyentuh perasaan kalau saya dapat bantu orang yang benar-benar memerlukan pertolongan.

"Saya menggambarkan kalau orang itu susah, saya dapat bantu. Itulah memberi kepuasan yang cukup bermakna kepada saya, itulah ubat atau tonik kepada saya untuk berjuang," katanya.

Dalam pada itu, beliau menegaskan akan terus bertahan dalam politik biarpun menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan.

"Biasalah dalam politik ini, kena tembak kiri dan kanan. Alhamdulillah saya boleh bertahan kerana antara satu sebabnya orang Pekan terus menyokong saya," katanya.